

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

PGT 401 - Perkembangan dan Penguasaan Kemahiran Berbahasa dan Matematik

[Masa : 3 jam]

Baca arahan-arahan di bawah dengan teliti:

1. Jawab LIMA (5) soalan sahaja.
2. Semua calon dikehendaki menjawab soalan NOMBOR SATU (1).
3. Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian kertas yang baru.
4. Soalan mempunyai DUA (2) bahagian : BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. "Bahasa adalah sebahagian dari kelahiran manusian. Pendedahan kepadanya secara alam semulajadi adalah yang diperlukan bagi kemantapan kemahiran berbahasa."

[Lenneberg and Lenneberg, 1975
dan Me Neil, 1966]

Dengan memberi contoh-contoh bincangkan pandangan tersebut dalam kontek pengajaran bahasa di Malaysia.

[20 markah]

2. Dalam pengajaran Bahasa di sekolah rendah di tahap I dan II, kemahiran berkomunikasi (mendengar dan bertutur) amat ditekankan.

Bincangkan tiga (3) aktiviti yang boleh membantu murid-murid mencapai matlamat.

[20 markah]

3. Perkembangan bahasa murid-murid di sekolah rendah dipengaruhi oleh:

- i) guru
- ii. buku teks
- iii) rakan sebaya
- iv. bahan cetakan yang lain

...2/-

Bincangkan dengan contoh-contoh dua (2) daripada empat faktor di atas.

[20 markah]

4. "Dalam pengajaran penulisan guru harus adakan masa untuk berbincang, bertukar-tukar maklumat, membetulkan ayat-ayat sebelum dan semasa menulis"

[K.S. Goodman et. al 1987]

Jelaskan pandangan ini dengan memberi contoh-contoh.

[20 markah]

BAHAGIAN B

5. Jawab salah satu:

- 5.1 a) Nyatakan dua (2) hipotesis utama dalam Perspektif Konstruktivisme.

[5 markah]

- b) Dengan merujuk kepada pandangan ahli-ahli Konstruktivisme, cadangkan lima (5) cara yang boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran-pembelajaran matematik peringkat sekolah rendah.

[15 markah]


Atau

- 5.2 a) Dalam perkembangan kemahiran asas nombor, ramai murid gagal memahami operasi asas, walaupun mereka mungkin mahir melaksanakan operasi tersebut.

Bincangkan mengapa fenomena ini berlaku di kalangan murid sekolah rendah berdasarkan dua (2) operasi asas yang dipilih. Sertakan contoh di mana yang sesuai.

[20 markah]

6. Suatu kajian telah dijalankan dengan murid-murid darjah dua dan lima di sebuah sekolah bagi menentukan paras air dalam bekas. Mereka di minta melukiskan paras air dalam bekas yang disendangkan. Berikut ialah dapatan kajian tersebut:



Berdasarkan kajian tersebut di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- Apakah kebolehan konservasi yang diuji dalam kajian ini?
- Terangkan sejauh mana kebolehan mengkonservasi yang ditunjukkan oleh murid-murid dalam kajian ini dan apakah implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik di sekolah rendah.

[20 markah]

10